

Analisa, nilai dasar lebih empirical

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Wahab menyampaikan sijil kepada peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-18 dan 19.

Dari muka 1

Oleh itu, kaca mata *value for money* jangan terlupakan keterlaluan melihat kepada apa yang dekat dalam jangka hayat kita sahaja, tetapi destinasi yang lebih jauh bagi beberapa generasi yang akan datang. Ini bererti, apa yang kita buat pada masa ini adalah sebahagiannya sebagai asas untuk masa depan di luar jangkaan kita," ujarnya.

Katanya, sungguhpun pokok-pokok pangkal kemajuan yang kita hajati

ialah melalui kemajuan ekonomi, kita tidak boleh alpa dan terlepas pandang mengenai objektif-objektif bukan ekonomi yang tersirat dan perlu disuratkari dalam kemajuan ekonomi itu sendiri.

Yang Mulia Dato Paduka seterusnya menyatakan, jika persepsi kita lebih mirip melihat manusia itu sebagai unit pengeluaran, mendapatkan keuntungan dan kejayaannya yang disukai dari itu saja, maka manusia itu diperlukan lebih sebagai mesin atau robot padahal realiti sebenar manusia adalah makhluk yang berakal,

berfikiran dan mempunyai jiwa.

"Kita perlu sentiasa berpijak di bumi yang nyata, bersedia untuk bergelut dan bergomol dengan pahit-maung realiti kehidupan yang kebanyakannya sulit, tidak indah dan memerlukan ketabahan hati dan kejujuran," katanya.

Dalam konteks itulah, tambahnya, kita sebagai manusia perlu mempunyai persepsi yang betul, prinsip moral dan standard dan nilai-nilai murni.

Justeru itu, tegasnya, adalah penting untuk pegawai-pegawai eksekutif dan kepimpinan amnya untuk tidak mengambil ringan mengenai aspek-aspek itu dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar dan juga kemajuan modal insan perlu sembang dengan mengambil kira fundamental itu.

"Keperluan ini sudah makin nyata kepada kita di mana kita micasarkan persepsi, prinsip dan nilai perlu diberi kewajaran yang lebih tinggi. Antara lainnya, kita telah menguatkan lagi perhatian kepada penghijrahan minda dan senyaran minda positif," katanya lagi.

Yang Mulia Dato Paduka juga menyentuh peranan pendidikan awal di peringkat sekolah seterusnya merupakan asas utama dan seterusnya pendidikan sehingga meninggalkan bangku sekolah. Dalam kerjaya pekerjaan, latihan, penyerapan dan penghayatan dalam aspek-aspek ini amat perlu ada, konsisten dan diuar-uarkan bertahap.

Persepsi yang jitu dan betul, jelasnya, pegangan prinsip moral yang kuat dan penghayatan nilai-nilai murni yang mapan akan menyumbang kepada kestabilan dan keadian

sosioekonomi. Jika persepsi bercelarua atau tidak fokus dan banyak dipengaruhi oleh kepentingan sendiri, pegangan prinsip moral untuk mencenturkan yang benar dan salah, tidak akan mapan dan justeru itu, membawa kepada kelonggaran amalan nilai-nilai murni dan ada yang menjadi double standards.

"Betapa pentingnya aspek-aspek di luar kebendaan ini untuk 'dikelinga' dengan penuh dedikasi dan kesedaran dalam merangka kemajuan modal insan. Kita bukan saja untuk memberikan ilmu dan kompetensi kepada pegawai-pegawai, tetapi untuk secara terarah untuk mencenturkan dan menanam keperibadian, watak dan sifat serta motivasi yang terpilih. Ini penting bagi kita yang mengabdi untuk kepentingan negara dan rakyat," sambungnya.

Yang Mulia Dato Paduka lagi.

Dalam kemajuan modal insan, ujarnya, perlu diberi kewajaran yang tinggi mengenai kepimpinan dan pemimpin. Tertakluk kepada teras kepimpinan, atau yang dimahukan ialah pemimpin yang benar-benar tahu menunjukkan jalan ke hadapan kepada yang dipimpin dan masyarakat, bukan yang suka mengelamun, berpeluk tubuh dan 'cakap tidak serupa bikin' dan lebih teruk lagi mereka yang membawa kepada kesosongan, kemundur dan kegagalan.

Dalam kita menilai keberhasilan, tambahnya lagi, ekspektasi dan kriteria kita perlu bertempat dan rasional. Kemajuan kompetensi dan kebolehan, lebih-lebih lagi kepimpinan, tidak diharapkan serta-merta untuk dapat dilihat dan dirasakan secara *tangible* sejurus latihan diberikan seperti yang kita buat dalam program kemajuan eksekutif ini.

Tegasnya, pegawai-pegawai kanan dan eksekutif perlu bersikap tangkas untuk mempercepatkan pertumbuhan masing-masing untuk mencapai kemajuan semasa umur masih muda.

"Tunjukkan kebolehan dengan cukup yakin dan berani. Berdirilah sama tinggi di kalangan orang-orang yang berkebolehan. Jauhi sama sekali untuk tidak *responsive* dan kurang bermotivasi kerana ini akan melambatkan kemajuan dan boleh menjadikan seseorang terbantut dan akhirnya tersisih sebagai kayu mati," ujarnya lagi.

Yang Mulia Dato Paduka seterusnya menyuarakan program itu bolch dijadikan medan di mana berlakunya pertembungan bakat, gagasan dan intelek, tetapi bukan sebagai medan pertembungan di mana lebih banyak terdengar gendang perang dari



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berucap dalam Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Ke-18 dan 19.

suara-suara untuk mencari pertemuan.

"Di akhir program, median ini perlu menemukan tunas-tunas dalam bentuk pegawai-pegawai yang lebih bersedia untuk memulakan perjalanan di atas landasan yang lebih menjalinkan untuk sampai ke destinasi dan juga dalam bentuk *take-away* berupa gagasan-gagasan bagi perhatian lanjut," katanya lagi.

Terdahulu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah dalam alu-aluananya antara lain berkata, hasil dari kursus ini, para peserta sepertumya akan dapat membantu organisasi dari diri sendiri dalam meningkatkan perkhidmatan dan produktiviti yang lebih baik.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) katanya, telah pun mengambil tindakan-tindakan yang sejawarnya dalam menangani cabaran dan mengambil kira pernambahan yang diperlukan dalam memastikan program pembangunan eksekutif itu masih relevan dan memenuhi hasrat kerajaan khususnya ke arah membantu mencapai Wawasan Brunei 2035.

Program tersebut bertujuan untuk mengasas dan memberikan pengetahuan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih kanan termasuk ketua jabatan.

Selain itu, program-program merupakan satu pelaburan pembangunan sumber manusia yang sangat penting dan berfaedah dengan tujuan bagi menyediakan platform bagi peningkatan kemahiran bidang pengurusan, kepimpinan dan meningkatkan pemahaman peserta terhadap persekitaran tempatan, global dan kerajaan, di samping meningkatkan kemahiran dari segi teknikal, konsep kognitif, peribadi dan sosial dalam kalangan peserta.



PARA peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kerajaan Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-18 dan 19 yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan wanita dari pelbagai jabatan kerajaan hadir pada Majlis Penyampaian Sijil program.

Seminar Tadabbur Al-Qur'an dalam kefahaman

Oleh : Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman, Syirain Afifi Md. Fadzil
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 April. - Seminar Tadabbur Al-Qur'an memfokuskan kepentingan mempelajari, mendalamami dan menghayati mesej yang disampaikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melaui Rasul-Nya sebagaimana yang tercatat di dalam Kalam-Nya (Al-Qur'an).

Seminar julung kali diadakan itu merupakan anjuran Jawatankuasa Keagamaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang dikelolakan oleh



PENGERUSI Majlis, Dr. Hajah Sallimah binti Haji Mohammad Salleh menerangkan pembentangan yang akan disampaikan oleh Professor Datuk Dr. Osman Bakar.

Unit Keugamaan dan Kerohanian, Hal Ehwal Pelajar serta Persatuan Mahasiswa-Mahasiswa UBD (PMUBD), Ekssekutif Keugamaan dan Kerohanian dan Kelab Al-Qur'an.

Pemangku Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Ayub Sadiq @ Lin Naing hadir pada Majlis Pembukaan Seminar berkenaan di Dewan Utama, Dewan Canselor, UBD, di sini.

Seminar bertemakan 'Membentuk Generasi Cinta Al-Qur'an Untuk Mencapai Kejayaan' itu bertujuan untuk membincangkan konsep dan kepentingan Tadabbur Al-Qur'an, dan merangka konsep dan strategi pendidikan Tadabbur Al-Qur'an di sekolah-sekolah dan institut-institut pengajian tinggi, selain untuk memberi kefahaman kepada orang ramai tentang penghayatan Al-Qur'an dan termasuklah kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Sebanyak lima kertas kerja dibentangkan oleh pensyarah-pensyarah dan penceramah jemputan

dari institut-institut pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Seminar tersebut menampilkan pembentangan ucaptama oleh Professor Datuk Dr. Osman Bakar yang bertajuk 'Ke Arah Menghayati Al-Qur'an Yang Lebih Bermakna'.

Sementara itu, dua pembentangan dari UNISSA, Ustaz AI Habib Dr. As Sayyid Abdul Hamid Al-Mahdaly Al-Azhary, membentangkan 'Attadabbur yang berkualiti dan sejauh mana fungsinya dalam menyelesaikan masalah ummah' dan Dr. Kamari Salam bin Yusof, membentangkan mengenai tajuk 'Pendekatan Dalam Tadabbur Al-Qur'an semasa'.

Manakala, pembentangan dari UBD, Dr. Haji Galam Nasir bin Haji Zakari pula mengupas tentang tajuk 'Tadabbur Surah Al Faatihah' dan pembentangan mengenai 'Pengajaran dan



PEMANGKU Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Ayub Sadiq @ Lin Naing hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

pembelajaran Al-Qur'an di masjid-masjid Negara Brunei Darussalam : Cabaran dan Harapan' dan pendekatan tentang Tadabbur Al-Qur'an pada waktu semasa, disampaikan oleh Ustaz Haji Mohammad Firdaus bin Orang Kaya-Kaya Haji Noordin.

Seminar berkenaan terbuka kepada orang awam, institut-institut pengajian tinggi, wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah di seluruh negara.